

# MAJLIS PENUTUP KURSUS PRINCIPAL AIR WARFARE (PAW) SIRI 11/17

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2662-majlis-penutup-kursus-principal-air-warfare-paw-siri-11-17](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2662-majlis-penutup-kursus-principal-air-warfare-paw-siri-11-17)

SUBANG, 10 November 2017 – Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Principal Air Warfare (PAW) Siri 11/17 telah disempurnakan oleh Brig Jen Dato' Haji Yazid bin Haji Arshad TUDM, Ketua Staf Operasi, MAWILUD 1. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Kol Felix Gonsalvez Alexander TUDM, Komander AWC TUDM.

Kursus yang bermula pada 30 Nov hingga 10 November 2017 ini dihadiri seramai 16 orang pegawai daripada pelbagai ketukangan dalam perkhidmatan TUDM. Pada edisi kali ini, seorang pegawai daripada *Royal Australian Air Force* (RAAF) turut serta menyertai kursus selama 2 minggu di Hotel Summit, USJ, Subang. Secara keseluruhan, Kursus PAW kali ini telah berjaya mencapai objektif penganjurannya.

Peserta bengkel telah diberi pendedahan berkenaan aspek-aspek berikut:

- a. Prinsip-prinsip peperangan udara, sejarah serta pembangunan berkaitan peperangan udara moden.
- b. Pengenalan kepada proses perancangan operasi serta implementasi diperingkat operasi dan tektikal.
- c. Pendedahan kepada simulasi olah perang dengan mengaplikasikan, Extended Air Defence Simulation System (EADSIM).

Kursus PAW siri 11/17 telah dikoordinasikan oleh AWC TUDM dengan penglibatan tenaga pengajar daripada AWC TUDM sendiri serta pegawai-pegawai daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM.



